

## Praktis Pengukuhan (1)

Isi tempat kosong dengan kata sendi nama yang sesuai.

kepada

di

untuk

ke

dengan

dalam

oleh

daripada

- 1 Kakak baru pulang dari London dan akan tinggal \_\_\_\_\_ sini selama sebulan.
- 2 Kambing-kambing peliharaan Pak Atan akan dihalau masuk \_\_\_\_\_ dalam kandang pada waktu petang.
- 3 Pesta Flora pada kali ini akan disertai \_\_\_\_\_ pelbagai syarikat swasta.
- 4 Pengetua sekolah telah menyampaikan hadiah \_\_\_\_\_ para pemenang pertandingan bola tampar.
- 5 Baju sejuk yang dipakai oleh adik diperbuat \_\_\_\_\_ benang bulu kambing yang berkualiti.
- 6 Puan Hanim menggunakan minyak zaitun \_\_\_\_\_ menggoreng sayur.
- 7 Munir akan pergi ke Pulau Langkawi \_\_\_\_\_ guru Bahasa Melayunya, iaitu Cikgu Tahir.
- 8 Lelaki yang bertubuh kecil itu sangat mahir \_\_\_\_\_ bidang jahitan.

## Praktis Pengukuhan (2)

Pilih kata sendi nama yang betul dalam setiap ayat di bawah.

- 1 Penceramah itu sedang berceramah \_\_\_\_\_ isu pencemaran alam sekitar yang masih tiada penghujungnya. ( tentang, antara )
- 2 Farid sangat gembira kerana berjaya menamatkan pelajaran dari salah sebuah universiti terbaik \_\_\_\_\_ ibu kota. ( ke, di )
- 3 Encik Bakhtiar menerima kehadiran tetamu \_\_\_\_\_ Indonesia itu dengan tangan terbuka. ( pada, dari )
- 4 Dermawan itulah yang disebut-sebut oleh orang ramai \_\_\_\_\_ majlis keramaian baru-baru ini. ( di, dalam )
- 5 Para pelajar perlu bijak membahagikan masa \_\_\_\_\_ belajar dan bermain jika ingin berjaya dalam pelajaran. ( antara, demi )
- 6 \_\_\_\_\_ hujung minggu, ramai pelancong yang datang menikmati keindahan Pulau Perhentian. ( Pada, Di )